

09 SEP 1998

Mahathir-Reformasi

MALAYSIA PERLU LAKSANA REFORMASINYA SENDIRI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia perlu melaksanakan reformasinya sendiri kerana desakannya kepada masyarakat dunia supaya mengawal dan mengadakan peraturan terhadap pasaran kewangan tidak diendahkan.

"Malaysia tidak boleh tunggu. Malaysia telah memilih untuk menjadi heretik (orang yang menyimpang daripada pendapat umum)...sekiranya anda suka (berpendapat demikian).

"Sekiranya masyarakat antarabangsa tidak boleh membuat perubahan, Malaysia perlu melaksanakan reformasinya sendiri," kata Dr Mahathir dalam ruangan "viewpoint" majalah Time keluaran 14 Sept.

Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia mungkin gagal dalam usaha-usaha reformasinya, "kami akan melakukan apa sahaja untuk berjaya, walaupun semua kuasa-kuasa mereka yang kaya dan berkuasa menentang kami. Insyallah, kami akan berjaya," katanya.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama, berkata kerajaan-kerajaan diberitahu bahawa sistem yang dibenarkan ialah hanya pasaran bebas kapitalis, globalisasi.

"Semua orang mesti menerima sistem ini dan sekiranya tidak mereka dianggap sebagai heretik dan dihukum sewajarnya. walaupun pengubahsuaian yang sedikit tidak dibenarkan," katanya.

Dr Mahathir berkata bagi pasaran bebas kapitalis, tidak menjadi hal sekiranya pasaran bebas yang tidak dikawal menghancurkan ekonomi-ekonomi di seluruh rantau.

"Yang pentingnya (bagi mereka) sistem itu dipertahankan," katanya.

Beliau berkata pada suatu waktu orang-orang Kristian mempercayai untuk membunuh penganut Kristian yang tidak patuh, orang-orang Islam dan Yahudi.

Ia berlarutan selama 300 tahun sebelum mereka sedar bahawa apa yang mereka telah lakukan itu bukan sama sekali ajaran Kristian. katanya.

Dr Mahathir berkata banyak ideologi-ideologi yang mengambil berdekad-dekad, malahan berabad untuk dibuktikan salah.

Katanya soalan yang perlu ditanya ialah sehingga bila masyarakat antarabangsa akan menolak dogma-dogma pasaran bebas yang tidak mungkin berbuat salah.

Katanya ada sesetengah secara takut-takut mengkritik Dana Kewangan antarabangsa (IMF), para spekulator, pengaliran modal merentasi sempadan dan hak kuasa pasaran untuk mendisiplinkan kerajaan-kerajaan.

"Bolehkah kita tunggu sampai 300 tahun? Kemusnahan telahpun meluas," katanya sambil menambah ia akan mengambil berdekad-dekad untuk memulihkan ekonomi.

"Apakah kita harus menggelabah?" tanyanya.

Dr Mahathir berkata kemelut matawang yang melanda Asia Tenggara pada pertengahan tahun 1997 pada mulanya dijangka hanya untuk beberapa bulan sahaja.

Katanya setelah setahun berlalu, jauh daripada diselesaikan, kemelut itu telah merebak ke seluruh dunia.

"Tidak ada siapa yang mendapat faedah melainkan pedagang-pedagang matawang dan spekulator-spekulator pasaran saham," kata Perdana Menteri.

--BERNAMA

ES WAT